

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JHG 344 - Geografi Petempatan

Masa : [3 jam]

Anda diperlukan menjawab EMPAT (4) soalan. Jawab soalan no. 1 (soalan wajib) daripada BAHAGIAN A dan mana-mana TIGA (3) soalan daripada BAHAGIAN B. BAHAGIAN A diperuntukkan 40 markah dan BAHAGIAN B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A (40 Markah)

1. Pilih dan jawab secara ringkas tentang LIMA (5) soalan berikut :-
 - (a) Apakah unsur-unsur yang boleh dirujuk sebagai petempatan manusia?
(8 markah)
 - (b) Apakah perbezaan konsep 'bentuk' dan 'pola' petempatan?
(8 markah)
 - (c) Apakah ciri-ciri petempatan tradisional?
(8 markah)
 - (d) Apakah yang dimaksudkan dengan 'bandar'?
(8 markah)
 - (e) Apakah kelemahan-kelemahan Model Petempatan Pusat?
(8 markah)
 - (f) Apakah perbezaan ciri-ciri orde barangan dan perkhidmatan yang tinggi dan rendah?
(8 markah)
 - (g) Apakah perbezaan ciri-ciri wilayah fungsional dan wilayah formal?
(8 markah)

... 2/-

BAHAGIAN B (60 Markah)

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan berikut.

2. Bincangkan bagaimanakah proses pembentukan petempatan manusia dan perkembangannya sehingga mencapai tahap 'Ketamadunan' yang tinggi. Gunakan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
3. Bincangkan perhubungan antara jenis-jenis petempatan luar bandar dengan fungsi dan persekitarannya. Gunakan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
4. Di negara-negara sedang membangun, biasanya pertumbuhan petempatan bandar berlaku dengan pesatnya di ibu-ibu negeri. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
5. Model Guna Tanah Von Thunen boleh dianggap sebagai perintis kepada pembentukan model-model lain dalam pelbagai bidang pengajian, termasuk Geografi Petempatan. Bincangkan dengan mengemukakan contoh-contoh tertentu.
(20 markah)
6. Bagaimanakah faktor-faktor fizikal dan ekonomi mempengaruhi taburan dan pola petempatan yang menyebabkan keadaan yang tidak seimbang antara wilayah di negara-negara sedang membangun. Bincangkan dengan merujuk contoh-contoh tertentu.
(20 markah)

- oooOooo -